

25 JUL 2000

PERDANA MENTERI MELAWAT MELAKA OGOS INI

MELAKA, 25 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan kerja sehari ke Melaka pada 3 Ogos ini.

Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata Perdana Menteri akan mengadakan perjumpaan dengan para pemimpin komponen Barisan Nasional (BN) negeri di sebuah hotel di Ayer Keroh di sini sejurus tiba pada 9.30 pagi pada hari tersebut.

Beliau kemudian akan berlepas ke Jasin, kira-kira 45 km dari sini untuk merasmikan Taman Perumahan Awam di Kemendore, kata Mohd Ali kepada pemberita hari ini bagi mengumumkan perubahan jadual asal lawatan berkenaan.

Perdana Menteri sebelum ini dijadualkan merasmikan Taman Pengeluaran Makanan Selandar dan bangunan ibu pejabat Umno negeri, Graha Umno di sini selepas perjumpaan berkenaan.

Mohd Ali berkata sebelum berlepas pulang pada sebelah petang, Perdana Menteri akan menghadiri taklimat dan sesi dialog dengan kakitangan awam di Seri Negeri, Ayer Keroh.

--BERNAMA

MOZ RI